

# Suami berdepan penjara dua tahun akibat tendang isteri

Oleh HADI AB. MANAP

hadi.manap@mediamulia.com.my


**MELAKA:** Padah menendang muka isteri sehingga cedera gara-gara cemburu awal bulan ini, seorang lelaki berdepan hukuman penjara dua tahun selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Ayer Keroh di sini semalam.

Tertuduh, Danial Dallas Abdullah, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik sahaja pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Nabihah Mohd. Noor.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada isterinya, Norazlinda Ali, 41, dengan cara menendang muka.

Tindakan itu dilakukan kira-kira pukul 8 malam di sebuah rumah di Taman Kesidang, dalam daerah Melaka Tengah pada 4 Julai 2022.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda maksimum RM2,000 mengikut Seksyen 323 dan di-



**TERTUDUH** diiring keluar anggota polis selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan menyebabkan kecederaan kepada isterinya.

baca bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan.

Difahamkan, tertuduh yang mendirikan rumah tangga se-

lama 12 tahun melakukan perbuatan itu selepas mendakwa isterinya yang bekerja di sebuah kedai makan menjalinkan

hubungan sulit.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Ehsan Nasarudin.